

Headline	FRIM hasil produk anti-gout daripada pokok cucur atap		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	25 Oct 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	32,799
Page No	B4	Readership	98,397
Language	Malay	ArticleSize	481 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,586
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 10,758



FRIM hasil produk *anti-gout* daripada pokok cucur atap

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) terus mencipta inovasi baharu dalam bidang perubatan negara dengan penghasilan produk anti-gout daripada pokok cucur atap yang tumbuh meliar di sekitar kawasan pantai di Terengganu.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr AbdLatifMohmodberkata pokok cucur atap atau nama saintifiknya *Baeckea Frutescens* telah lama digunakan secara tradisional untuk merawat pelbagai penyakit seperti sembelit, sakit perut, sakit belakang dan turut digunakan bersama herba lain untuk mengawal tekanan darah dan paras gula dalam darah.

"Hasil kajian saintifik FRIM selama lapan tahun juga mendapati a-

herba ini mempunyai nilai perubatan yang berpotensi sebagai anti-gout.

"Prototaip produk herba cucur atap yang dilancarkan hari ini (kelmarin) juga didapati sangat berkesan menghalang penghasilan dan pengumpulan asid urik di bahagian sendi. Ia telah pun dipatenkan dan akan dipasarkan secara komersial dengan mana-mana pihak yang berminat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis prapelancaran produk prototaip anti-gout dikenali sebagai GouTree di Stesen Penyelidikan FRIM dekat Bari di Setiu, kelmarin.

Penggunaan produk itu boleh diambil dalam dua

kaedah iaitu dengan cara memakan kapsulnya atau kaedah semburan di bahagian sendi yang sakit.

Mengulas lanjut, beliau berkata penemuan baharu itu juga bakal memberi impak positif kepada ekonomi Terengganu kerana negeri ini mempunyai 60,000 hektar keluasan tanah berpasir yang sangat sesuai ditanam pokok cucur atap.

"Ketika ini, sebanyak 500 batang pokok cucur atap telah ditanam di stesen ini bagi tujuan penyelidikan FRIM menjalankan kajian mengenai spesies pokok ini melibatkan pelbagai skop iaitu daripada penghasilan anak pokok sehingga penghasilan bahan mentah.

"Kita berharap dengan penemuan saintifik ini, lebih ramai rakyat Malaysia mendapat manfaat kesihatan daripada herba milik negara sekaligus mengurangkan kebergantungan import dari negara luar," katanya. — Bernama



PROTOTAIP: Produk prototaip anti-gout 'Goutree' yang dihasilkan dari pokok cucur atap pada sidang media selepas Pra Pelancaran Produk Antigout di Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) Setiu, Setiu baru-baru ini. — Gambar Bernama



KAJIAN: Pembantu Penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Hazlin Abd Rahim memeriksa pokok cucur atap atau nama saintifiknya *Baeckea Frutescens* yang menghasilkan produk prototaip anti-gout 'Goutree' dihasilkan FRIM selepas Pra Pelancaran Produk Antigout di Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) Setiu baru-baru ini. — Gambar Bernama